

D546

R B491 BAH

MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 1 DIS (BERNAMA) -- AMANAT PENTING PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DALAM PERHIMPUNAN RAKSASA DI PERKARANGAN ISTANA BESAR DI SINI AKAN MENANDAKAN KEMUNCAK SAMBUTAN PERAYAAN ULANGTAHUN KE-40 UMNO PADA 11 MEI TAHUN DEPAN.

LEBIH 3,000 ORANG TERMASUK 1,500 PERWAKILAN UMNO DARI SELURUH NEGARA SERTA PARA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL AKAN MENYERTAI PERHIMPUNAN DI PERKARANGAN ISTANA BESAR ITU UNTUK MENDENGAR UCAPAN DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO.

MENTERI BESAR JOHOR DATUK ABDUL AJIB AHMAD SELAKU KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI AKAN MENYEMBAH MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG YANG JUGA SULTAN JOHOR UNTUK MENDAPAT KEBENARAN SERI PADUKA MENGADAKAN PERHIMPUNAN RAKSASA ITU.

KATANYA ISTANA BESAR DIPILIH OLEH JAWATANKUASA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI UNTUK MENGADAKAN PERHIMPUNAN RAKSASA ITU KERANA IA TEMPAT LAHIRNYA UMNO DAN MEMPUNYAI HUBUNGAN RAPAT DENGAN SEJARAH PERJUANGAN PARTI.

TIMBALAN Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Johor Datuk Shahrir Abdul Samad memberitahu demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat tertutup perhubungan UMNO negeri selama dua jam di bangunan UMNO negeri di sini petang semalam. -- LAGI.

1041MST 01 12 85

D547

R B492 BAH

MAHATHIR 2 JOHOR BAHRU

BELIAU BERKATA PERSEMBAHAN YANG DAPAT MEMPERINGATI DETIK-DETIK PERJUANGAN SEJARAH UMNO AKAN DIPERSEMBAHKAN UNTUK MENYEDARKAN PAHIT-MAUNG YANG TERPAKSA DITEMPUH OLEH TOKOH-TOKOH UMNO DAHULU UNTUK MENCAPAI KEMERDEKAAN DAN MENEGAKKAN MARUAH BANGSA MELAYU.

PERSEMBAHAN ITU AKAN DISUSULI DENGAN PAMERAN TOKOH-TOKOH PEMIMPIN UMNO SERTA SATU SEMINAR KHAS MENGENAI PERJUANGAN UMNO.

DATUK SHAHRIR BERKATA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI MENUBUHKAN JAWATANKUASA INDUK YANG DIPENGERUSIKAN BERSAMA OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM DAN DATUK AJIB YANG AKAN BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA TERHADAP SAMBUTAN ULANGTAHUN UMNO PERINGKAT KEBANGSAAN DENGAN NEGERI JOHOR MENJADI TUAN RUMAH.

BELIAU YANG JUGA MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERKATA JAWATANKUASA KERJA KECIL AKAN DITUBUHKAN SEKEMBALINYA DATUK AJIB DARI LUAR NEGERI.

KATANYA JAWATANKUASA KERJA ITU AKAN BERMESYUARAT TIDAK LAMA LAGI UNTUK MENGGARISI ATURCARA LENGKAP SAMBUTAN SERTA MERANGKA GARIS PANDUAN UPACARA PERAYAAN YANG AKAN DIADAKAN PADA PERINGKAT BAHAGIAN. -- LAGI.

1044MST 01 12 85

D549

R B493 BAH

MAHATHIR 3 JOHOR BAHRU

KATANYA KESEMUA 18 BAHAGIAN UMNO DI JOHOR AKAN TERBABIT DENGAN SAMBUTAN ITU YANG JULUNG-JULUNG KALI DIADAKAN DENGAN SETIAP BAHAGIAN MENGANJURKAN ACARA-ACARA SAMBUTAN TERSENDIRI PADA 9 DAN 10 MEI.

PARA PERWAKILAN UMNO SELURUH NEGARA AKAN DIJEMPUT MENGHADIRI UPACARA SAMBUTAN PERINGKAT BAHAGIAN SEHARI ATAUPUN DUA HARI SEBELUM MEREKA BERLEPAS KE JOHOR BAHRU UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN PADA SAMBUTAN PERINGKAT KEBANGSAAN.

DATUK SHAHRIR YANG JUGA KETUA UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHRU BERKATA BEBERAPA ORANG PEMIMPIN UMNO PERINGKAT BAHAGIAN DAN CAWANGAN AKAN DIPILIH SEBAGAI WAKIL PERHUBUNGAN UMNO NEGERI YANG AKAN MENJELAJAHI SELURUH NEGARA BAGI MENJEMPUT WAKIL DARI LUAR JOHOR UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN.

KATANYA CARA ITU DILAKUKAN UNTUK MENUNJUKKAN KEPADA PARA PEMIMPIN GENERASI MUDA UMNO SEKARANG MENGENAI KAEDAH-KAEDAH ADAT ISTIADAT LAMA YANG PERNAH DIGUNAKAN OLEH PARA PEMIMPIN MASA LAMPAU UNTUK MEMPERJUANGKAN DAN MEMPERTAHANKAN PARTI SERTA HAK ASASI ORANG MELAYU DI NEGARA INI.

PARA WAKIL UMNO DARI LUAR AKAN DITEMPATKAN DI RUMAH KETUA-KETUA BAHAGIAN, CAWANGAN DAN PEMIMPIN TEMPATAN DAN TIDAK MENGINAP DI HOTEL-HOTEL BESAR SEBAGAIMANA BIASANYA KETIKA UMNO MENGADAKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN ATAUPUN ACARA-ACARA SAMBUTAN PARTI. -- LAGI.  
1050MST 01 12 85

D550

R B494 BAH

MAHATHIR 4 JOHOR BAHRU

KATANYA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI MENGAMBIL LANGKAH ITU BAGI MEMBERIKAN PELUANG KEPADA PARA PEMIMPIN TERTINGGI DAN PERWAKILAN UMNO UNTUK MENJALIN HUBUNGAN KEMESRAAN DAN SILATURRAHIM SESAMA MEREKA SERTA BERPELUANG BERGAUL BEBAS.

DATUK SHAHRIR BERPENDAPAT JIKA PARA WAKIL DIBERIKAN KEMUDAHAN MENGINAP DI HOTEL-HOTEL DIKHUATIRI KESAN SAMBUTAN ITU AKAN HILANG MAKNANYA.

KATANYA JOHOR BAHRU DIPILIH UNTUK MENGANJURKAN UPACARA SAMBUTAN ITU KERANA DI BANDAR INILAH TEMPAT ASAL PENUBUHAN UMNO PADA TANGGAL 11 MEI 1946.

-- BERNAMA.

1052MST 01 12 85